

U B435 AAB

MAHATHIR - SABAH

(I)

KUALA LUMPUR, 13 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN KEPADA RAKYAT SABAH MENGENAI KESELAMATAN MEREKA EKORAN LETUPAN TERBARU BOM SERTA TUNJUK-TUNJUK PERASAAN DI KOTA KINABALU DAN SANDAKAN SEMALAM.

POLIS CUKUP DI SABAH UNTUK MENGAWASI KESELAMATAN PENDUDUK, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PAMERAN LUKISAN OLEH SEORANG PELUKIS TERKENAL MALAYSIA, IBRAHIM HUSSEIN DI BALAI SENI LUKIS NEGARA DI SINI.

SEWAKTU DITANYA SAMA ADA PASUKAN TAMBAHAN POLIS AKAN DIHANTAR KE SABAH, BELIAU BERKATA JIKA KEADAAN MEMAKSA, PASUKAN TAMBAHAN AKAN DIHANTAR KE NEGERI ITU.

SEMALAM SEKURANG-KURANGNYA ENAM LETUPAN DILAPORKAN DI KOTA KINABALU MENGAKIBATKAN EMPAT ORANG CEDERA SEMENTARA PARA PENYOKONG USNO DIBERITAKAN MENUNJUK PERASAAN MEMBANTAH KERAJAAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) DI IBU NEGERI DAN SANDAKAN. -- LAGI.

1231MST 13 03 86

U B436 AAB

MAHATHIR - SABAH 2 KUALA LUMPUR

(I)

SEWAKTU DIMINTA MENGULAS DAKWAAN BAHAWA LETUPAN BOM DAN TUNJUK PERASAAN ITU MUNGKIN MERUPAKAN PAKATAN KUALA LUMPUR UNTUK MENJATUHI KERAJAAN NEGERI PBS, PERDANA MENTERI BERKATA +MASYAALLAH+

DAKWAAN ITU DIBUAT OLEH KETUA PEMBANGKANG ENCIK LIM KIT SIANG DI DEWAN RAKYAT SEMALAM.

+MINTALAH MEREKA MEMBUKTIKAN BAHAWA IA SATU PAKATAN. APALAH YANG SAYA TAHU MENGENAI PERKARA INI?+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

MENGENAI SERUAN USNO DAN BERJAYA KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN SUPAYA CAMPUR TANGAN DI NEGERI ITU, BELIAU BERKATA: +SAYA TIDAK AKAN CAMPUR TANGAN. MEREKA BOLEH MEMINTANYA. ANDA BOLEH BERTANYA KEPADA LIM KIT SIANG. BELIAU LEBIH BANYAK TAHU.+

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA POLIS DI SABAH MENCUKUPI UNTUK MENGENDALIKAN KEADAAN DAN OLEH KERANA ITU PASUKAN TAMBAHAN TIDAK PERLU DIHANTAR SEKARANG.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA PASUKAN TAMBAHAN POLIS AKAN DIHANTAR KE SABAH SEKIRANYA PERMINTAAN DIBUAT OLEH POLIS.

SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN BERHUBUNG DENGAN BERITA-BERITA ANGIN KONONNYA KERAJAAN PERSEKUTUAN AKAN MENGISYTIHARKAN KEADAAN DARURAT DI SABAH, BELIAU KEDENGARAN MENGATAKAN SESUATU TETAPI TIDAK MENAMATKAN AYAT ITU.

SEBALIKNYA BELIAU BERKATA +TAK PAYAHLAH.+ -- LAGI

1253MST 13 03 86

U B437 AAB

MAHATHIR - SABAH 3 KUALA LUMPUR

(I)

+KAMU CAKAPLAH DENGAN DAP. JANGAN CAKAP DENGAN SAYA. APA BUAT PUN TAK PERNAH YANG KENA DENGAN DAP.+

SEBELUM ITU, SEWAKTU MERASMIKAN PAMERAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA IBRAHIM HUSSEIN KERANA MELETAKKAN MALAYSIA PADA PETA DUNIA SENI LUKISAN.

BELIAU PERCAYA BAHAWA MELALUI USAHA IBRAHIM, ARENA SENI LUKIS MALAYSIA SEMAKIN BERTAMBAH DIKENALI.

PENGERUSI LEMBAGA PENGELOLA BALAI, DATUK AZMAN HASHIM BERHARAP PAJAKAN 33 TAHUN DENGAN SEWA NOMINAL \$10 KEPADA BALAI SENI LUKIS NEGARA BAGI MENGGUNAKAN BANGUNAN YANG DULUNYA DIKENALI SEBAGAI HOTEL MAJESTIC AKAN DILANJUTKAN SEHINGGA 99 TAHUN.

PAMERAN ITU DIADAKAN SEMPENA HARI JADINYA YANG KE-50 HARI INI. SEMPENA ACARA ITU, BALAI SENI LUKIS MENGHADIAHKAN KEK YANG DIPOTONG OLEH IBRAHIM SENDIRI. -- LAGI

1313MST 13 03 86

D175

U B438 AAB

MAHATHIR - SABAH 4 KUALA LUMPUR

(I)

SEMPENA PAMERAN ITU JUGA, SYARIKAT MALAYSIAN TOBACCO MELALUI PENERUSINYA, ENCIK A.R.J. CHRISTODOLO MENYERAHKAN CEK BERNILAI \$74,000 KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR UNTUK KEGUNAAN BALAI SENI LUKIS.

PAMERAN ITU AKAN BERAKHIR PADA 10 APRIL. -- BERNAMA
1314MST 13 03 86